

13 APR 2001

PAS TIDAK SOKONG DEMONTRASI JALANAN, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 13 April (Bernama) -- Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat berkata beliau tidak bersetuju dengan demontrasi jalanan seperti yang dirancang untuk diadakan secara besar-besaran esok.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata Pas awal-awal lagi tidak bersetuju dengan demontrasi kerana negara ini mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen.

"Tunjuk perasaan seperti itu adalah berlawanan dengan sistem demokrasi yang sudah diamalkan sejak sekian lama", katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah Jumaat di Pejabat Pas di sini hari ini.

Nik Aziz berkata demikian ketika diminta mengulas penahanan tujuh orang aktivis reformasi mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri berikutan cadangan pihak pembangkang untuk mengadakan demontrasi jalanan secara besar-besaran esok.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dilaporkan berkata bahawa tangkapan itu bertujuan mengelakkan berlakunya demonstrasi yang akan membawa kepada keganasan dan kemusnahan.

Nik Aziz juga berkata kerajaan pusat sepatutnya memberi kebebasan bersuara kepada parti-parti pembangkang supaya bertepatan dengan amalan sistem demokrasi.

Katanya adalah tidak bertepatan dengan sistem itu sekiranya parti-parti pembangkang tidak dibenarkan menunjuk perasaan dan pada masa yang sama tidak diberi kebebasan bersuara.

-- BERNAMA

WM BD NMO